



BAB 3: KESEDARAN PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA

3.1 LATAR BELAKANG PEMBINAAN NEGARA DAN BANGSA (m/s 65)

a) Ciri-ciri sistem politik masyarakat Melayu tradisional.

- Kemunculan kerajaan adalah disebabkan adanya raja.
- Kedudukan raja begitu tinggi dan istimewa dalam sesebuah kerajaan.
- Tanggungjawab raja:- Memberi perlindungan politik dan menjamin keselamatan rakyat di kawasannya
- Rakyat membala dengan cara menerima dan mengakui kekuasaan raja.
- Kesetiaan rakyat terhadap rajanya menentukan sempadan kerajaan atau wilayah yang diperintah.
- Kerajaan kuat akan menakluk kerajaan yang lemah untuk mengembangkan empayarnya. Contoh Kseultanan Melayu Melaka.

b) Perubahan yang dilakukan oleh british setelah campur tangan di Semenanjung Tanah Melayu.

- British merujuk setiap kerajaan Melayu sebagai negeri.
- British menetapkan sempadan setiap kerajaan.
- Konsep kerajaan beransur luput dan digantikan dengan konsep negeri
- Pengenalan Malayan Union 1946 di Tanah Melayu adalah untuk membina sebuah negara dan bangsa yang moden telah ditentang oleh orang Melayu.
- Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu telah menggabungkan semua negeri Melayu dalam sebuah pentadbiran pusat.
- Kemerdekaan kepada PTM 1957 telah menjadikan Tanah Melayu sebagai negara yang merdeka.
- Persetujuan Sarawak dan Sabah bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu telah mewujudkan negara Malaysia yang berdaulat.

C) Ciri-ciri bangsa yang terdapat dalam bangsa Malaysia:

- Dikemukakan oleh Dato Seri Dr Mahathir semasa Majlis Perniagaan Malaysia 1991.
- Konsep bangsa merujuk kepada masyarakat berbilang kaum yang berlainan bahasa, budaya dan kepercayaan
- Bangsa Malaysia dibentuk melalui penggunaan satu bahasakebangsaan, pengamalan kebudayaan kebangsaan serta)Rukun negara
- Pembentukan bangsa Malaysia merupakan hasil perjuangan kemerdekaan, pengisian kemerdekaan
- Dan pengekalan kemerdekaan.
- Ciri-ciri negara dan bangsa Malaysia telah diasaskan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka, semasa penjajahan Barat dan perjuangan menuntut kemerdekaan.

3.1.1 Pembinaan Negara dan Bangsa**a) Pembinaan negara bangsa moden di Eropah (m/s 67)**

1. Merujuk kepada negara bangsa moden di Eropah pada penghujung abad ke 18 dan ke 19.
2. Idea penubuhan negara bangsa tercetus hasil daripada :
 - i) Revolusi Inggeris
 - ii) Perang Kemerdekaan Amerika
 - iii) Revolusi Perancis
3. Idea-idea penting dalam pembentukan negara bangsa di Eropah merangkumi:
 - i) Hak rakyat
 - ii) Kerajaan berperlembagaan
 - iii) Negara bangsa moden
 - iv) Sempadan rumpun bangsa,
4. Pembentukan negara bangsa menjadi matlamat akhir perjuangan golongan nasionalis.
5. Perang Dunia Pertama berakhir dengan kekalahan Jerman dan sekutunya.
6. Pada Persidangan Damai Paris kesepakatan dicapai melalui Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson yang menetapkan dua prinsip iaitu:-
 - i) penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri.
 - ii) prinsip sempadan dan negara berasaskan bangsa
7. Kesannya :-
 - i) empayar Austria Hungary dan Turki yang mengalami kekalahan telah dibahagi-bahagikan .
 - ii) Pelbagai etnik dan bangsa beroleh kemerdekaan
 - iii) 7 negara bangsa baru yang muncul di Eropah. Antaranya :_
 - i) Estonia
 - ii) Finland
 - iii) Latvia
 - iv) Poland
 - v) Yugoslavia

b) Pembentukan negara bangsa Itali

1. Itali asalnya dikuasai oleh Austria dan rakyatnya mahu menyatukan Itali dengan membebaskan diri daripada pemerintahan Austria.
2. Benso di Cavour berusaha menyatukan Itali menjadi sebuah negara melalui realpolitik.
3. Realpolitik adalah amalan yang mewajarkan apa sahaja cara untuk mencapai matlamatnya.
4. Usaha Benso di Cavour dalam penyatuan Itali:-
 - i) bekerjasama dgn Napoleon III menentang Austria
 - ii) mengadakan punggutan suara
 - iii) membantu Prussia tewaskan Austria
 - iv) menyatukan berlandaskan pemerintahan monarki
 - v) menyatukan melalui amalan Realpolitik
 - vi) Perancis berundur dari Rom, beliau telah mengambil kesempatan menyatukan Rom dan Itali.

Akhirnya terbentuklah sebuah negara bangsa Itali.

c) Pembentukan negara bangsa Jerman:

1. Penyatuan Jerman dilakukan oleh **Otto Eduard Von Bismark** dengan mengamalkan realpolitik dan politik darah dan besi.
2. Taktik yang digunakan oleh tokoh ini:_
 - i) tipu helah
 - ii) pemalsuan dokumen
 - iii) provokasi
 - iv) penipuan
3. Matlamatnya adalah untuk menyatukan Jerman dan rakyatnya menerima sistem kediktatoran yang diperjuangkan oleh tokoh mereka.
4. Tokoh ini juga menggunakan isu membenci kuasa asing.

d) Pembentukan kerajaan Islam di Madinah

1. Pembentukan kerajaan Islam di Madinah merupakan penyatuan ummah.
2. Nabi Muhammad s.a.w menyusun perlembagaan sebelum mengasaskan kerajaan Islam di Madinah.
3. Piagam Madinah berjaya menyatukan penduduk yang berbilang kaum iaitu Yahudi, orang kristian dan orang Arab.
4. Baginda membentuk kerajaan Islam dengan menggunakan cara diplomatik, musyawarah dan permuafakatan.
5. Pembentukan kerajaan Islam di Madinah membuktikan bahawa wujudnya amalan kerjasama dan permuafakatan antara pemimpin dengan pemimpin dan antara pemimpin dengan rakyat.

e) Pembentukan negara dan bangsa Malaysia

1. Pembentukan negara Malaysia tidak melibatkan pertumpahan darah dan berkat kebijaksanaan pemimpin
2. Kemerdekaan dicapai melalui rundingan, pakatan murni dantolak ansur antara 3 kaum terbesar.

1. Negara

- wilayah yg mempunyai penduduk, sempadan dan pemerintahan yg berwibawa.
- Merujuk kepada institusi pemerintahan yang tersusun yang bertanggungjawab membuat dan melaksanakan keputusan politik serta menguatkuasakan undang-undang dan peraturan kerajaan
- Malaysia terdiri daripada Persekutuan Tanah Melalu.

2. Bangsa

- Merujuk kepada sekumpulan manusia yg mendiami sesebuah wilayah.
- Mempunyai persamaan dari segi bahasa, adat resam, kesenian dan pengalaman sejarah.
- Idea bangsa digunakan untuk melahirkan perasaan bersatu padu dalam kalangan masyarakat yang berbilang kaum demi membentuk

**3.1.2 Ciri-ciri Negara Dan Bangsa
(m/s 73)****3. Kerajaan**

- Institusi pemerintah yang bertanggungjawab menggubal dan melaksanakan dasar sesebuah negara.
- Kerajaan juga bertindak sebagai pengaman dan penentu arah kehidupan masyarakat sesebuah negara.
- Kerajaan di negara kita merujuk kepada tiga badan dalam pemerintahan iaitu

4. Perlembagaan

- Peraturan tertinggi sama ada bertulis atau tidak bertulis yg menjadi rujukan dan panduan bagi mentadbir dan memerintah sesebuah negara.
- Perlembagaan bertujuan memberikan jaminan perlindungan kepada rakyat negara ini.

3.

3.2.1 CIRI-CIRI Negara dan Bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka (m/s 75)

1. Wilayah Pengaruh

- Wilayah - Kawasan tempat tinggal rakyat dan sempadannya yang diterima umum.
- Wilayah Pengaruh – kawasan yg rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja.
- Empayar Kesultanan Melayu Melaka meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh Timur Sumatera.



2. Kedaulatan

- Kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah dan kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak.
- Kedaulatan juga merujuk kepada kekuasaan yg dimiliki untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang.
- Kedaulatan memastikan sesebuah negara itu bebas daripada campur tangan, paksaan, taklukan atau peniaianan kuasa asing.



3. Lambang-lambang

- Lambang Negara – Simbol atau tanda yg mempunyai identiti sesebuah negara.
- Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa.
- Sistem pemerintahan beraja, adat istiadat Melayu, bahasa Melayu dan agama Islam merupakan warisan yang dikekalkan sejak Kesultanan Melayu Melaka.
- Kebesaran sultan dan Kesultanan Melayu Melaka juga dilambangkan dengan alat regalia, nobat, warna, bahasa, undang-undang, protokol dan adat istiadat istana.



4. Keunggulan Undang-Undang

- Undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat.
- Keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan diterima oleh masyarakat.
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Hukum Kanun Melaka – mengandungi 44 fasil yg menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang di kalangan masyarakat.
- Hukum Kanun Melaka turut menyatakan hukuman terhadap kesalahan jenayah awam dan undang-undang keluarga.
- Undang-Undang Laut Melaka – berkaitan tatacara pelayaran di laut seperti tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah.




5. Rakyat

- Seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah dan mereka ini terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut.
- Sebagai tanda ketiautan , rakyat sedia mempertahankan negara, menghadiri adat istiadat kerajaan, mengadakan gotong royong dan kerahan tenaga.



6. Kerajaan

- Badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran, menjaga keamanan, mempertahankan kedaulatan negara dan menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain.
- Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, Raja atau Sultan merupakan pemerintah tertinggi yg dibantu oleh Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.

3.3 WARISAN NEGERI-NEGERI MELAYU (m/s 80)

3.3.1 Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (m/s 80-82)

3.3.3 Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu (m/s 84-86)

Persamaan Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor (1895) dengan Undang-undang Tubuh Negeri Terengganu (1911)

Ciri-ciri	3.3.1 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor	3.3.3 Undang-undang Tubuh Kerajaan Terengganu
1. Pengasas	Sultan Abu Bakar (1895)	Sultan Zainal Abidin III (1911)
2.Kandungan	i) keturunan sebagai pewaris ii) pengiktirafan orang Melayu sebagai rakyat Johor. iii) Agama Islam sebagai agama negeri.	i) Pelantikan raja ii) syarat menjadi raja iii) waris takhta iv) zuriat raja dan lain-lain
3. Syarat menjadi raja	i) Berbangsa Melayu ii) Lelaki iii) Beragama Islam iv) Waris Sultan	i) Berbangsa Melayu ii) Lelaki iii) Beragama Islam iv) Waris Sultan
4. Larangan	Raja, Menteri dan Jemaah Pengakuan Negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kuasa atau kerajaan lain.	Waris Sultan atau Menteri dilarang mengkhianati pemerintah negeri dan ditegah daripada menyerahkan negeri kepada kuasa lain.
5. Kuasa Sultan	i) Memilih Menteri Besar. ii) Memperkenan jawatan Naib Menteri Besar yang ditentukan oleh Jemaah Menteri	i) Melantik Menteri Besar. ii) Memperkenankan jawatan Naib Menteri Besar yang ditentukan oleh Jemaah Menteri.
6.Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri	i) Majlis Negeri mempunyai kuasa perundangan dan membantu Raja dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri dan rakyat. ii) Jemaah Menteri yang mempunyai kuasa pelaksanaan.	i) Majlis Mesyuarat Kerajaan bertanggungjawab membantu Sultan dan Jemaah Menteri untuk: a) mentadbir negeri, b) menggubal undang-undang dan peraturan c) menjaga kebijakan rakyat d) menjaga keamanan e) Menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain ii) Jemaah Menteri
7. Kepentingan	i) Membentuk kerajaan bercorak demokrasi bagi mengganti pemerintahan beraja berkuasa mutlak ii) Berjaya memantapkan sistem pentadbiran Johor. iii) Menghalang rancangan British menguasai negeri Johor.	i) Menjamin sistem pentadbiran Terengganu. ii) Menggambarkan kebijaksanaan pemerintah Terengganu. iii) Meningkatkan kecekapan sistem pentadbiran. iv) Benteng atau tulang belakang untuk mengekalkan kedaulatan negeri Terengganu.

3.3.2 Sistem Jemaah Menteri di Kelantan (m/s 82 - 83)**1. Latar belakang**

- Sistem jemaah Menteri di Kelantan telah diamalkan sejak pemerintahan Sultan Muhammad I (1801-1836).
- Sultan Muhammad II (1836-1886) membentuk Sistem Jemaah Menteri bagi melicinkan pentadbiran dan pemerintahan kelantan.
- Sultan Muhammad II telah menyingkirkan kerabat diraja yang terlibat dalam pertikaian merebut kuasa dan mengantikannya dengan golongan pembesar yang bergelar Nik dan Wan.

**2. Struktur Sistem Jemaah menteri Kelantan.**

- Jemaah Penasihat Raja – Menguruskan perkara dan urusan penting yang bukan rahsia.
- Jemaah Menteri Istana – Menguruskan istiadat diraja dan istiadat rasmi di seluruh negeri kelantan.
- Jemaah Menteri Keadilan dan kehakiman – Mengendalikan urusan penting tentang keadilan dan kehakiman.
- Jemaah Menteri Dalam Negeri – Menjaga keamanan Negeri.
- Jemaah Menteri Luar – Menguruskan dasar dan hal ehwal luar negeri.
- Jemaah Menteri Perbendaharaan – Mengendalikan harta benda dan hasil mahsul.
- Jemaah Menteri Peperangan – Menguruskan pertahanan dan keamanan negeri.
- Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimaran Negeri – Menguruskan kemajuan dan pembangunan negeri.

3.3.4 Negeri Sembilan – Prinsip Demokrasi dan Konsep Persekutuan (m/s 87)**1. Latar Belakang**

- Negeri Sembilan terdiri dari 9 buah negeri iaitu Sungai Ujong, Rembau, Johol, Jelebu, Jempol, Seri Menanti, Inas, Terachi dan Gunung Pasir.
- Pada abad ke 18, Negeri Sembilan mempunyai rajanya sendiri iaitu Raja Melewar dengan gelaran Yamtuan Besar.
- Negeri Sembilan merupakan negeri Melayu pertama mirip persekutuan sebelum terbentuknya Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.
- Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berdasarkan Adat Pepatih iaitu kedaulatan berada ditangan rakyat.
- Mengikut hieraki Adat Pepatih, pelantikan pemimpin dibuat daripada peringkat paling bawah iaitu Anak Buah, diikuti oleh Buapak, Lembaga dan Undang yg kemudian melantik Yang Dipertuan Besar.

**2. Unsur demokrasi dlm sistem pemilihan pemimpin di Negeri Sembilan.**

- Negeri Sembilan dibahagikan kepada 4 daerah atau jajahan yang disebut luak.
- Empat luak utama ialah Rembau, Sungai Ujong, Jelebu dan Johol.
- Ketua setiap luak ialah Undang dan mereka dipilih oleh Lembaga.
- Undang dipertanggungjawabkan melantik Yang Dipertuan Besar.
- Lembaga pula dipilih oleh Buapak.
- Lembaga merupakan ketua suku dan bertanggungjawab terhadap suku masing-masing.
- Buapak merupakan Ketua Perut
- Setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah.
- Buapak menjadi tempat rujukan bagi setiap masalah khususnya yg berkaitan dgn adat.
- Sistem ini tidak mengamalkan kuasa mutlak tetapi mengagihkan kuasa kepada individu mengikut peringkat.